

Clob: Mahathir sedia temui PM Singapura ⁴¹

^{BH}
Oleh Zulkofli Jamaludin 12 JAN 2000

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau sedia menemui Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, bagi menyelesaikan isu saham yang dulunya diurusniagakan di bursa tidak rasmi *Central Limit Order Book* (Clob).

Perdana Menteri berkata, isu itu adalah masalah Malaysia dan ia tidak ada kaitan dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Itu hak dia (Singapura) un-

tuk bawa ke WTO. Kita punya hak untuk berkata ini adalah masalah kita, Malaysia. Ia tidak ada kena mengena dengan WTO," katanya menngulas kenyataan Goh semalam bahawa Singapura mungkin membawa isu itu ke WTO jika tiada penyelesaian dicapai.

Goh, dalam temu ramah dengan *Reuters Television* yang disiarkan di Singapura kelmarin mengulangi pendirian untuk membawa isu Clob

ke WTO jika tiada penyelesaian dicapai antara Singapura dan Malaysia.

"Kita berusaha mencari penyelesaian tetapi jika akhirnya tidak berjaya, Singapura tiada pilihan melainkan membawa perkara itu ke WTO dan pemegang saham juga mungkin mengambil tindakan mahkamah di Malaysia," kata Goh dalam temu ramah itu.

Goh berkata beliau menunggu masa yang sesuai, mungkin selepas Tahun Baru

Cina, untuk berbincang dengan Dr Mahathir mengenai isu-isu dua-hala yang memerlukan penyelesaian.

Singapura mahu isu Clob diselesaikan sekali dalam perbincangan isu dua-hala yang juga membabitkan perjanjian baru mengenai bekalan air ke republik itu dan kedudukan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Singapura.

Dianggarkan RM17 bilion saham syarikat Malaysia, pada harga pasaran seka-

rang, yang dulunya diniagakan di pasaran Clob masih dibekukan setelah pasaran itu dihentikan berikutan pelaksanaan langkah kawalan modal oleh Malaysia pada September 1998.

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) baru-baru ini mengemukakan lanjutan tempoh terakhir kepada 30 Jun untuk Clob diberi status nominee ke atas saham-saham itu setelah tempoh status itu tamat pada 31 Disember 1999.